

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan insurans kemalangan diri **Flexi PA**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Insurans Am

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu Flexi PA?

Flexi PA ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan untuk kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal serta elaun kemasukan ke hospital akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan insurans seperti berikut:

No.	Manfaat-manfaat	Jumlah Manfaat (RM)
1.	Kematian akibat kemalangan	50,000
2.	Hilang upaya menyeluruh yang kekal	50,000
3.	Elaun kemasukan ke hospital	50 semalam, sehingga 5,000

Nota:

- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan insurans adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi:

- Tindakan yang disengajakan, jenayah atau tindakan yang menyalahi undang-undang, atau kecuai;
- Kecederaan yang disengajakan, melainkan kecederaan tersebut menyebabkan kematian; atau
- Sebarang peperangan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans kemalangan, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari
<https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Email kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Flexi PA, anda harus membayar premium tahunan sebanyak:

Premium Asas	RM 60.00
--------------	----------

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Komisen Dibayar Kepada Pengantara	25% daripada premium asas atau RM15.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium asas atau RM 4.80
Duti Setem	RM 10.00
Jumlah Premium Kena Bayar	RM 74.80

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4 Syarat Utama Lain

- Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
- Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
- Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada premium dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh insurans.